ISMAIL KAMUS

lwn.

PEGAWAI PENGURUS PILIHAN RAYA & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
RAUS SHARIF H
[PETISYEN PILIHAN RAYA NO: PP 4/2004]
7 SEPTEMBER 2004

PILIHAN RAYA: *Petisyen - Cara pilihan raya dikendalikan - Tuduhan ketidakpatuhan peraturan - Perlanjutan masa pengundian - Sama ada sah - Pengunaan buku daftar pemilih yang berlainan - Sama ada menyentuh keputusan pilihan raya - Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, s. 32(b) & Peraturan-Peraturan Pilihan Raya 1981, per 11(5), borang 8, 14a dan 23*

Satu pilihan raya telah diadakan di Dewan Undangan Negeri, Selangor N.17, Gombak Setia pada 21 March 2004 ("pilihan raya tersebut") dimana responden ketiga, seorang calon Barisan Nasional telah dilaporpilih sebagai calon yang dikembalikan atau calon yang diisytiharkan memenangi pilihan raya tersebut. Pempetisyen, seorang calon Parti Islam Se Malaysia (PAS) di pilihan raya tersebut, telah memfailkan petisyen pilihan raya ini di mana beliau memohon pertama sekali satu pengisytiharan bahawa pilihan raya tersebut tidak sah dan kedua satu pengisytiharan bahawa responden ketiga tidak dipilih atau dilaporpilih dengan sempurna atau tidak dipilih sebagai calon yang berjaya di dalam pilihan raya tersebut berdasarkan s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 ("AKPR").

Terdapat dua isu yang ditimbulkan oleh pempetisyen melalui kes ini yakni:

a) Sama ada pempetisyen telah berjaya membuktikan bahawa terdapat ketidakpatuhan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pilihan raya tersebut; dan

b) Sama ada ketidakpatuhan-ketidakpatuhan itu telah menyentuh keputusan pilihan raya tersebut.

Diputuskan: (Menolak permohonan pempetisyen dengan kos untuk ditaksirkan)

[1] Peruntukan s. 32(b) AKPR adalah begitu jelas dan nyata. Bukan sahaja pempetisyen perlu membuktikan dengan memuaskan hati hakim pilihan raya

tentang ketidakpatuhan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan pilihan raya, tetapi perlu juga dibuktikan bahawa ketidakpatuhan tersebut telah menyentuh keputusan pilihan raya itu. Apabila s. 32(b) tersebut mengadakan peruntukan akan perlunya dibuktikan ketidakpatuhan itu menyentuh keputusan pilihan raya, maka pada pendapat saya adalah tidak wajar untuk tidak mengambil kira kehendak tersebut. (ms. 286 c & 287 b)

[2] Atas kehendak peraturan 11(5) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya 1981 ("peraturan tersebut"), waktu penutupan masa mengundi seperti dinyatakan dalam borang 8 dan diwartakan dalam warta kerajaan P.U.(B) 128 bertarikh 13 Mac 2004 adalah pada pukul 5 ptg dan dari keterangan-keterangan yang dikemukakan dalam petisyen ini, memang tidak boleh dinafikan bahawa terdapat perlanjutan masa pengundian yang tidak sah untuk tempoh dua jam pada hari pilihan raya tersebut. Ini tidak dicabar oleh pihak responden. Dengan itu adalah tidak sukar untuk saya memutuskan bahawa pempetisyen telah berjaya membuktikan tentang berlakunya perlanggaran 11(5), borang 8 dan juga peraturan 23 peraturan tersebut. (ms. 288 a-c)

[3] Berkenaan dengan perlanggaran peraturan 14A peraturan tersebut, dari keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pempetisyen, jelas bahawa daftar pengundi yang digunakan oleh ketua tempat mengundi di kedua-dua daerah mengundi tersebut di atas adalah berbeza dengan daftar pemilih yang diberikan kepada calon-calon pada hari penamaan calon. Ketua tempat mengundi telah menggunakan daftar pemilih bertarikh 15 Mac 2004, 16 Mac 2004 sementara calon-calon menggunakan daftar pemilih bertarikh 5 Mac 2004 dan keterangan ini oleh saksi-saksi pempetisyen tidak dicabar. Jadi dengan penggunaan daftar pemilih bertarikh 15 Mac 2004 dan 16 Mac 2004 di kedua-dua daerah mengundi tersebut dan bukan daftar pemilih bertarikh 5 Mac 2004, maka adalah jelas bahawa telah berlaku perlanggaran peraturan 14A peraturan tersebut. (ms. 289 a-d)

[4] Keterangan saksi-saksi yang dikemukakan oleh pempetisyen menunjukkan bahawa memang ada pengundi-pengundi yang mengundi dalam tempoh perlanjutan pengundian antara pukul 5 ptg dan 7 ptg pada hari pilihan raya tersebut tetapi jumlahnya tidak dapat ditentukan. Mengikut keterangan saksi-saksi pempetisyen, jumlah pengundi yang telah mengundi di dalam tempoh perlanjutan masa tersebut adalah 341 pengundi dan jumlah ini dengan

sendirinya tidak boleh menyentuh keputusan pilihan raya tersebut kerana jumlah majoriti yang diperolehi oleh responden ketiga adalah 2,728. (ms. 289 e & 290 c-d)

[5] Berkenaan isu sama ada pengunaan daftar pemilih yang berbeza telah menyentuh keputusan pilihan raya tersebut, keterangan-keterangan yang mengatakan wujudnya peluang bagi pengundi-pengundi mengundi lebih daripada sekali tidak dibuktikan dengan jelas dan jika keterangan saksi responden SR1 diteliti, soal pengundi mengundi dua kali tidak mudah berlaku. Jadi yang menjadi masalah adalah berlakunya kekecohan yang mengakibatkan kesusahan untuk pengundi-pengundi mencari tempat mengundi yang akhirnya telah mengakibatkan ramai orang yang tidak dapat mengundi. Pempetisyen telah menggunakan analisa yang dibuat oleh SP24 untuk menunjukkan bahawa penggunaan daftar pemilih yang berbeza telah menyentuh keputusan pilihan raya tersebut tetapi saya mendapati bahawa ketepatan analisa tersebut diragui dan tidak boleh dijadikan asas kerana ia merupakan andaian dan bukan berlandaskan fakta. Jadi tidak diketahui jumlah pengundi yang tidak dapat mengundi disebabkan penggunaan daftar pemilih yang berbeza di Taman Sri Gombak dan Taman Greenwood sehinggakan memberi kesan atau impak terhadap keputusan pilihan raya tersebut. Pempetisyen telah gagal memuaskan hati saya bahawa ketidakpatuhan kepada peraturan 14A peraturan tersebut telah menyentuh keputusan pilihan raya tersebut. (ms. 290 e, 291 a, d, 292 e & 293 a, f-g)

[6] Jika diambil kesan daripada penggunaan buku daftar pemilih yang berbeza dan perlanjutan masa secara tidak sah secara kumulatif, pempetisyen masih gagal untuk memuaskan saya bahawa ketidakpatuhan-ketidakpatuhan atau perlanggaran peraturan tersebut telah menyentuh keputusan pilihan raya tersebut. (ms. 293 h)

Kes-kes yang dirujuk:

Ang Thye Chia lwn. Chua Kow & Yang Lain [1996] 1 CLJ 49 HC ***(dirujuk)***

Harris Mohd Salleh v. The Returning Officer Ismail Hj Majin & Ors [2002] 4 CLJ 483 HC ***(dirujuk)***

Isahak Hamid v. Mustapha [1965] 1 LNS 63 HC ***(dirujuk)***

Morgan & Ors v. Simpson & Another [1974] 3 All ER 722 ***(dirujuk)***

Muip Tabib v. Dato James Wong [1970] 1 LNS 83 HC ***(dirujuk)***

Re Election of Cheah Seng Teik [1958] 1 LNS 61 HC ***(dirujuk)***

Re Tanjong Puteri Johore State Election Petition: Abdul Razak Ahmad v. Dato Md Yunos Sulaiman & Anor [1988] 1 LNS 158 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Election Offences Act 1954, s. 32(b)

Representation of the People's Act 1949 [UK], s. 37(1)

Bagi pihak pempetisyen - Mohd Ariff Yusof (M Reza Hassan, Fazarudin Sujairi Md Radzi, Hj Muhammad Burok, Abdullah Abdul Karim, Mohd Firdaus Zakaria, Zulkarnain Lukman, Mohd Khairuddin Othman & Ahmad Lutfi Awang bersamanya); T/n Radzi & Abdullah

Bagi pihak responden pertama dan kedua - Azizah Hj Nawawi, SFC (Suzana Atan, Junaidah Mohd Yunos, Asma Ibrahim, Munahyza Mustafa & Zureen Elina bersamanya)

Bagi pihak responden ketiga - Azhar Azizan Harun (Kaushalya Rajadurai bersamanya); T/n Shafee & Co

Dilaporkan oleh Sharmini Pillai

PENGHAKIMAN

Raus Sharif H:

Petisyen pilihan raya ini difailkan oleh Ismail bin Kamus (pempetisyen) iaitu calon Parti Islam Se Malaysia (PAS) di pilihan raya Dewan Undangan Negeri, Selangor N.17, Gombak Setia yang diadakan pada 21 Mac 2004. Dalam pilihan raya tersebut Yuszahari bin Mohd. Yusoff (responden ketiga) iaitu calon Barisan Nasional telah dilapor pilih sebagai calon yang dikembalikan atau calon yang diisytiharkan memenangi pilihan raya tersebut.

Keputusan pilihan raya N.17 Gombak Setia seperti yang diwartakan pada 12 April 2004 (P.U.B 186) adalah seperti berikut:

A - Jumlah Pemilih 32,701

B - Bilangan undi yang dibuang bagi:

Nama Calon	Bilangan undian
(1) Yuszahari bin Mohd Yusoff	12,506
(2) Ismail bin Kamus	9,778
Jumlah undi dibuang	22,284

C - Bilangan kertas undi ditolak 163

D - Jumlah kertas undi di dalam peti undi (B+C) 22,447

E - Jumlah kertas undi yang dikeluarkan dalam pengundian (termasuk undi pos yang dikeluarkan kepada pengundi dan kertas undi yang ditolak tetapi tidak termasuk undi rosak) 22,447

F - Bilangan kertas undi yang dikeluarkan tetapi tidak dikembalikan (termasuk kertas undi pos) 0

G - Peratusan pengundian 68.64%

H - Majoriti 2,728

Melalui petisyen pilihan raya ini, pempetisyen pada asasnya memohon:

1. Satu pengisytiharan bahawa pilihan raya kawasan Dewan Undangan Negeri Selangor N.17, Gombak Setia tidak sah;

2. Satu pengisytiharan iaitu responden ketiga tidak dipilih atau dilaporpilih dengan sempurna dan/atau tidak dipilih sebagai calon yang berjaya di kawasan Dewan Undangan Negeri Selangor N. 17, Gombak Setia.

Alasan-alasan yang dikemukakan oleh pempetisyen adalah seperti berikut:

1. Perlanjutan masa yang tidak sah di mana kertas-kertas undi telah dikeluarkan kepada pengundi-pengundi selepas jam 5 petang hingga 7 petang pada hari pilihan raya tersebut. Perlanjutan masa itu adalah melanggari peraturan 11(5), peraturan 23, dan Borang 8 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 ("Peraturan Perjalanan Pilihan Raya 1981").

2. Perlanggaran peraturan 14A Peraturan Perjalanan Pilihan Raya 1981 di mana calon telah dibekalkan dengan daftar pemilih bertarikh 5 Mac 2004, manakala daftar pemilih 15 Mac 2004 dan 16 Mac 2004 telah digunakan pada pilihan raya tersebut.

3. Kemungkiran atau perlanggaran seperti disebut di atas secara kumulatif telah menyebabkan pilihan raya telah tidak dijalankan secara pada matannya menurut prinsip dan peraturan dan menyentuh keputusan pilihan raya selaras dengan s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 ('AKPR').

Adalah jelas melalui petisyen pilihan raya ini bahawa pengisytiharan-pengistiharan yang dipohon oleh pempetisyen adalah hanya bersandarkan kepada s. 32(b) AKPR. Seksyen 32(b) AKPR memperuntukkan seperti berikut:

> Pemilihan seseorang calon dalam mana-mana pilihan raya hendaklah diisytiharkan sebagai batal atas suatu petisyen pilihan raya atas mana-mana daripada alasan yang berikut sahaja yang boleh dibuktikan dengan memuaskan hati Hakim Pilihan Raya:

(b) Ketidakpatuhan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan perjalanan mana-mana pilihan raya jika didapati bahawa pilihan raya itu telah tidak dijalankan mengikut prinsip yang ditetapkan dalam mana-mana undang-undang bertulis dan bahawa ketidakpatuhan itu telah menyentuh keputusan pilihan raya itu.

Tafsiran mengenai s. 32(b) di atas telah pernah dibuat dalam beberapa kes sebelum ini. Di dalam kes *Re Election of Cheah Seng Teik* [1958] 1 LNS 61, Rigby J telah memberi pandangan mengenai s. 32(b) seperti berikut:

> That subsection provides that the election of the candidate may be declared void on an election petition for non-compliance with the provisions of any written law relating to any election, if it appears that the election was not conducted in accordance with the principles laid down in such written law and that such non-compliance affected the result of the election.

Selepas itu di dalam kes *Isahak Hamid v. Mustapha* [1965] 2 MLJ 18, Ismail Khan 'H' (pada masa itu) juga telah mentafsirkan peruntukan s. 32(b). Beliau menyatakan di m.s. 19 seperti berikut:

> It is clear that the ground stated in the petition for the relief claimed brings it within the ambit of s. 32(b) of the Ordinance. To succeed, however the petitioner has to establish that not only was there a non-compliance with the provisions of the section, but that because of such non-compliance the election was not conducted according to the principles of such election law and further that such non-compliance has affected the result of the election.

Seterusnya di dalam kes *Muip bin Tabib v. Dato James Wong* [1971] 1 MLJ 246, B.T.H Lee J (pada masa itu) telah menyatakan di m.s. 248:

> The provisions of our section 32 (b) are quite clear.
>
> The onus is on the petitioner to prove to the satisfaction of the election judge the following:
>
> (a) non-compliance with the provisions of any written law relating to election; and
>
> (b) that such non-compliance affected the result of the election.

Kes-kes tersebut di atas rata-rata menyatakan dengan jelas bahawa untuk berjaya, pempetisyen perlu membuktikan dengan memuaskan hati Hakim Pilihan Raya bahawa terdapat:

(a) Ketidakpatuhan peruntukan undang-undang bertulis berhubung dengan perjalanan pilihan raya; dan

(b) Ketidakpatutan itu telah menyentuh keputusan pilihan raya itu.

Walaubagaimanapun di dalam kes *Re Tanjong Puteri Johore State Election Petition: Abdul Razak Ahmad v. Dato Md Yunos bin Sulaiman & Anor* [1988] 1 LNS 158 s. 32(b) telah diberi tafsiran yang berlainan. Wan Yahya 'J' (pada masa itu) telah memutuskan:

> (5) although the various discrepancies in the way the election was conducted did not affect the outcome of the election, the Court should still declare the election void as it was not conducted in accordance with the law.

Dalam memberi tafsiran s. 32(b) sedemikian, Wan Yahaya 'J' nampaknya telah menerima pakai keputusan Mahkamah Rayuan di England di dalam kes *Morgan and Others v. Simpson and Another* [1974] 3 All ER 722. Di dalam kes Morgan, Lord Denning, dalam mentafsirkan peruntukan s. 37(1) Representation of the People's Act 1949 memutuskan seperti berikut:

> (1) If the election was conducted so badly that it was not substantially in accordance with the law as to the election, the election is vitiated, irrespective of whether the result was affected, or not ...

Tafsiran Wan Yahya 'J' di dalam kes *Tanjung Putri* mengenai s. 32(b) yang menerimapakai kes *Morgan*, telah menjadi ikutan di dalam beberapa kes selepas itu. Ahmad Fairuz 'H' (pada masa itu) di dalam kes *Abd Hamid b. Mamat v. Baharudin Mohd & 2 Lain* [1993] 1 AMR telah memutuskan:

> ... bahawa Mahkamah ini berpendapat dengan prinsip dalam kes *Morgan* yang menghujahkan bahawa tidak perlu dibuktikan ketidakpatutan itu menyentuhi keputusan pilihan raya (affect the result of the election) asalkan ternampak pada Mahkamah ini bahawa ketidakpatutan peruntukan-peruntukan undang-undang pilihan raya itu telahpun menyebabkan pilihan raya itu dijalankan bukan mengikut prinsip-prinsip yang telah diperuntukan oleh undang-undang.

Muhamad Kamil 'H' di dalam kes *Harris Mohd. Salleh v. The Returning Officer Ismail Majin & Ors.* [2002] 4 CLJ 432 juga telah membuat tafsiran yang sama. Beliau telah memutuskan bahawa Hakim Pilihan Raya boleh mengisytiharkan sesuatu pilihan raya tidak sah jika pengurusan pilihan raya tersebut sebahagian besarnya tidak dikendalikan mengikut undang-undang pilihan raya tanpa mengira sama ada aduan ketidakpatuhan itu telah menjejaskan keputusan pilihan raya atau tidak.

Tetapi tidak semua kes selepas kes *Tanjung Putri* mengikuti tafsiran s. 32(b) berasaskan kepada kes *Morgan*. Abdul Hamid Mohamad 'H' (pada masa itu) dalam kes *Ang Thye Chia lwn. Chua Kow @ Chua Kaw Eng & 2 lagi*

[1996] 1 CLJ 49 telah kembali semula kepada tafsiran di kes-kes sebelum *Tanjung Putri*. Di m.s. 60 kes tersebut Abdul Hamid Mohamad 'H' memutuskan:

> Jadi, kesimpulannya dalam penghakiman saya, di bawah seksyen 32 (b), pemilihan seseorang calon dalam sesuatu pilihan raya itu hendaklah diistiharkan batal jika Hakim Pilihan Raya berpuas hati bahawa kerana ketidakpatuhan peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan pilihan raya, pilihan raya itu telah tidak dijalankan mengikut prinsip-prinsip yang ditetapkan di dalam undang-undang bertulis dan bahawa ketidakpatuhan itu telah menyentuh keputusan pilihan raya itu.

Dari kes-kes yang saya nyatakan di atas, jelas terdapat dua tafsiran kepada s. 32(b). Dalam hal ini, saya lebih cenderung untuk bersetuju dengan pandangan Abdul Hamid Mohamad 'H' seperti di atas dan juga pandangan-pandangan Hakim-Hakim sebelum kes *Tanjung Putri*.

Pada saya peruntukan s. 32(b) adalah begitu jelas dan nyata. Bukan sahaja pempetisyen perlu membuktikan dengan memuaskan hati Hakim Pilihan Raya tentang ketidakpatuhan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan pilihan raya, tetapi perlu juga dibuktikan bahawa ketidakpatuhan itu menyentuh keputusan pilihan raya itu. Keperluan untuk membuktikan ketidakpatuhan itu menyentuh keputusan pilihan raya akan menjadi lebih jelas apabila s. 32 diteliti secara keseluruhan. Seksyen 32 memperuntukkan seperti berikut:

> 32. Pemilihan seseorang calon dalam mana-mana pilihan raya hendaklah diisytiharkan sebagai batal atas suatu petisyen pilihan raya atas mana-mana daripada alasan yang berikut sahaja yang boleh dibuktikan dengan memuaskan hati Hakim Pilihan Raya.
>
> (a) bahawa penyogokan, penjamuan atau intimidasi secara am atau telah berlaku sebegitu berleluasa sehingga ia boleh dijangkakan dengan semunasabahnya telah menyentuh keputusan pilihan raya itu;
>
> (b) ketidakpatuhan peruntukan mana-mana undang- undang bertulis yang berhubungan dengan perjalanan mana-mana pilihan raya jika didapati bahawa pilihan raya itu telah dijalankan mengikut prinsip yang ditetapkan dalam mana-mana undang-undang bertulis dan bahawa ketidakpatuhan itu telah menyentuh keputusan pilihan raya itu;
>
> (c) bahawa sesuatu perbuatan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang telah dilakukan berhubungan dengan pilihan raya itu oleh calon itu atau dengan pengetahuan atau persetujuannya, atau oleh mana-mana ejen calon itu;
>
> (d) bahawa calon itu sendiri telah mengambil bertugas seseorang sebagai ejen pilihan rayanya, atau sebagai seorang perayu undi atau ejen, dengan mengetahui bahawa orang itu telah dalam tempoh tujuh tahun

sebelum dia diambil bertugas itu disabitkan atau didapati bersalah atas suatu perbuatan rasuah oleh Mahkamah Sesyen, atau melalui laporan seorang Hakim Pilihan Raya;

(e) bahawa calon itu, pada masa pemilihannya ialah seorang yang telah hilang kelayakannya untuk dipilih.

Jelas dari peruntukan di atas hanya perenggan (a) dan (b) yang mengadakan peruntukan tentang keperluan pembuktian ketidakpatuhan itu menyentuh keputusan pilihan raya. Perenggan-perenggan lain di s. 32 tidak mempunyai peruntukan sebegitu rupa. Jadi apabila s. 32(b) mengadakan peruntukan akan perlunya dibuktikan ketidakpatuhan itu menyentuh keputusan pilihan raya, maka pada pendapat saya adalah tidak wajar untuk tidak mengambil kira kehendak tersebut.

Maka, dalam menimbang petisyen pilihan raya ini, saya mengambil pendekatan berasaskan tafsiran kepada s. 32(b) bahawa bukan sahaja perlu dibuktikan ketidakpatuhan peruntukan mana-mana undang-undang berkaitan dengan pilihan raya tetapi perlu juga dibuktikan ketidakpatuhan itu menyentuh keputusan pilihan raya itu.

Berasaskan pendapat sedemikian, persoalan pertama yang perlu saya putuskan ialah samada pempetisyen telah berjaya membuktikan bahawa terdapat ketidakpatuhan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pilihan raya di kawasan Dewan Undangan Negeri Selangor N.17 Gombak Setia. Di dalam hal ini, pempetisyen mengatakan bahawa terdapat perlanggaran peraturan-peraturan 11(5) 14A, 23 dan Borang 8 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya 1981.

Menurut pempetisyen perlanggaran peraturan 11(5), peraturan 23 dan Borang 8 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya 1981 adalah berkaitan masa mengundi yang tidak sah di mana kertas-kertas undi telah dikeluarkan kepada pengundi-pengundi selepas jam 5ptg hingga 7mlm pada hari pilihan raya tersebut. Peraturan 11(5) mempertuntukkan seperti berikut:

11(5) Apabila menerima laporan yang disebut dalam subperaturan (3), Pegawai Pilihan Raya Negeri hendaklah menyebabkan disiarkan dalam Warta dan juga mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, suatu notis seperti yang dinyatakan dalam Borang 8 dalam Jadual Pertama yang menyatakan:

(a) bahagian pilihan raya yang dalamnya pilihan raya itu dipertandingkan;

(b) tarikh yang pengundian akan dijalankan;

(c) nama calon mengikut susunan nama yang akan dicetak pada kertas undi, simbol yang diuntukkan kepada setiap calon dan nama pencadang dan penyokong mereka; dan

(d) kedudukan tempat mengundi atau tempat-tempat mengundi bagi setiap daerah mengundi bagi bahagian pilihan raya itu dan waktu setiap tempat mengundi itu akan dibuka.

Atas kehendak peraturan 11(5) di atas, waktu penutupan masa mengundi seperti yang dinyatakan dalam Borang 8 dan diwartakan dalam warta kerajaan P.U.(B) 128 bertarikh 13 Mac 2004 adalah pada pukul 5ptg. Dari keterangan-keterangan yang dikemukakan dalam petisyen ini, memang tidak boleh dinafikan bahawa terdapat perlanjutan masa pengundian yang tidak sah iaitu untuk tempoh dua jam pada hari pilihan raya tersebut. Keterangan saksi-saksi yang dipanggil oleh pempetisyen semuanya menyatakan bahawa masa pengundian pada hari mengundi telah dilanjutkan dari jam 5ptg hingga 7mlm. Keterangan saksi-saksi tersebut telah tidak dicabar oleh pihak responden. Malah Peguam Kanan Persekutuan, Puan Azizah bt. Haji Nawawi yang mewakili responden pertama dan kedua dalam penghujahannya telah mengakui memang telah berlaku perlanjutan masa mengundi dari jam 5ptg hingga 7mlm. Dengan itu adalah tidak sukar untuk saya memutuskan bahawa pempetisyen telah berjaya membuktikan tentang berlakunya perlanggaran peraturan 11(5) dan Borang 8 dan juga peraturan 23. Peraturan 23 memperuntukkan bahawa tiada kertas undi boleh dikeluarkan kepada seseorang pengundi selepas waktu yang ditetapkan bagi penutupan pengundian.

Pempetisyen juga telah menyatakan bahawa telah berlaku perlanggaran peraturan 14A. Peraturan 14A adalah berkaitan dengan daftar pemilih yang dibekalkan kepada calon-calon pada hari penamaan calon yang merupakan naskah sahih yang mesti digunakan pada hari mengundi. Untuk menjadi jelas diperturunkan peraturan 14A yang memperuntukkan:

14A. Daftar pemilih yang dikemukakan kepada calon pada hari penamaan hendaklah merupakan naskhah sahih daftar pemilih yang akan digunakan oleh pegawai pengurus dan ketua tempat mengundi suatu tempat mengundi pada hari mengundi.

Pempetisyen telah menyatakan bahawa daftar pemilih yang dibekalkan kepada calon-calon pada hari penamaan calon adalah daftar pemilih yang bertarikh 5 Mac 2004. Tetapi pada hari mengundi, ketua tempat mengundi telah menggunakan daftar pemilih bertarikh 15 Mac 2004 dan 16 Mac 2004 di dua daerah mengundi iaitu:

1) Taman Sri Gombak

(a) Sekolah Kebangsaan Taman Sri Gombak.

(b) Sekolah Menengah Hillcrest.

2) Taman Greenwood

(a) Sekolah Menengah Taman Sri Gombak.

(b) Dewan Majlis Perbandaran Selangor, Taman Gombak.

Dari keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pempetisyen, jelas bahawa daftar pengundi yang digunakan oleh ketua tempat mengundi, di kedua-dua daerah mengundi tersebut di atas adalah berbeza dengan daftar pemilih yang diberikan kepada calon-calon pada hari penamaan calon. Ketua tempat mengundi telah menggunakan daftar pemilih bertarikh 15 Mac 2004, 16 Mac 2004, sementara calon-calon menggunakan daftar pemilih bertarikh 5 Mac 2004. Sekali lagi keterangan saksi-saksi pempetisyen mengenai perkara ini tidak dicabar. Puan Azizah bt. Haji Nawawi, sekali lagi tidak mempertikaikan berlakunya ketidakpatuhan peraturan 14A. Tidaklah menjadi hairan mengapa beliau membuat pendirian sedemikian kerana Encik Nasaruddin bin Zainuddin (SR1) pegawai dari Ibu Pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya telah mengakui bahawa daftar pemilih bertarikh 15 Mac 2004 telah digunakan di Taman Greewood dan daftar pemilih bertarikh 16 Mac 2004 telah digunakan di Taman Seri Gombak. Jadi dengan penggunaan daftar pemilih bertarikh 15 Mac 2004 dan 16 Mac 2004 di kedua-dua daerah mengundi tersebut dan tidak daftar pemilih bertarikh 5 Mac 2004, seperti yang dikeluarkan pada hari penamaan calon, maka adalah jelas bahawa telah berlaku perlanggaran peraturan 14A. Jadi pempetisyen juga telah berjaya membuktikan perlanggaran peraturan 14A tersebut.

Setelah memutuskan bahawa terdapat ketidakpatuhan atau perlanggaran peruntukan-peruntukan undang-undang bertulis seperti yang dinyatakan di atas, persoalan kedua yang perlu diputuskan ialah samada ketidakpatuhan-ketidakpatuhan itu telah menyentuh keputusan pilihan raya tersebut.

Mengenai isu perlanjutan masa mengundi dari 5ptg sehingga 7mlm, keterangan saksi-saksi yang dikemukakan oleh pempetisyen menunjukkan memang ada pengundi-pengundi yang mengundi dalam tempoh tersebut. Tetapi tidak dapat ditentukan berapakah jumlahnya. Jumlah ini penting kerana kemenangan responden ketiga dalam pilihan raya ini adalah dengan 2,728 undi majoriti. Jadi misalnya, jika terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa dalam tempoh dari jam 5ptg sehingga 7mlm, terdapat 2,728 pengundi-pengundi atau lebih telah mengundi, sudah tentu saya dengan mudah boleh memutuskan bahawa perlanjutan masa mengundi dari 5ptg hingga 7mlm telah menyentuh keputusan pilihan raya itu. Tetapi keterangan yang dikemukakan oleh pempetisyen tidak menunjukkan sedemikian. Saksi pempetisyen, Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli (SP1) dalam keterangannya menyatakan bahawa pengundi yang beratur semasa beliau melawat tempat mengundi di Sekolah Kebangsaan Taman Seri Gombak ialah antara 10 – 20 orang. Encik Kamaruzaman bin Ismail (SP2) mengatakan bahawa pertambahan pengundi untuk tempoh perlanjutan masa di saluran 7 di tempat yang sama ialah 87 orang. Encik Mohd. Asri bin Abd. Rahman (SP5)

menyatakan penambahan pengundi seramai 50 – 70 orang di saluran 8 di Sekolah Kebangsaan Seri Gombak 2. Encik Sujono bin Hj. Yacob (SP7) pula menyatakan terdapat penambahan pengundi lebih kurang 11 orang di saluran 4 di Dewan Majlis Perbandaran Selayang. Encik Azmi bin Ismail (SP11) mengatakan terdapat penambahan pengundi lebih kurang tiga orang di saluran 3. Encik Abdul Samat bin Saberan (SP12) pula mengatakan terdapat pengundi antara 50 – 100 orang di Sekolah Menengah Seri Gombak. Encik Mohd. Salleh bin Mohamad (SP15) mengatakan penambahan pengundi lebih kurang tiga orang di saluran 5.

Keterangan saksi-saksi lain seperti Muhamad Hadi bin Haji Ahmad Talhah (SP3), Mohd. Asri bin Abd. Rahman (SP4), Maznah binti Mohd. Salleh (SP8), Mohamad Fairuz bin Basir (SP10), Hishamuddin bin Jusoh (SP14), Zulkifli bin Yaacob (SP17) dan Mohd. Sharifuddin bin Mohd. Nor (SP20), yang bertugas sebagai petugas parti PAS semasa perlanjutan masa berlaku hanya menyatakan bahawa terdapat ramai orang yang masuk untuk mengundi pada masa lanjutan di saluran-saluran tempat mereka bertugas tetapi mereka tidak memberikan angka yang spesifik. Jadi, jika dijumlahkan pengundi yang mengundi di dalam tempoh perlanjutan masa dikira melalui keterangan saksi-saksi pempetisyen maka jumlahnya ialah 341 pengundi. Sudah tentu jumlah ini dengan sendirinya tidak boleh menyentuh keputusan pilihan raya tersebut kerana jumlah majoriti yang diperolehi oleh responden ketiga ialah 2,728.

Sekarang saya membincangkan pula keterangan-keterangan mengenai penggunaan daftar pemilih yang berbeza, samada ianya telah menyentuh keputusan pilihan raya tersebut. Adalah menjadi hujahan pempetisyen bahawa akibat daripada penggunaan daftar pemilih yang berbeza, pengundi-pengundi telah mengalami kesulitan dan kesukaran yang luar biasa untuk membuang undi. SP4 misalnya menyatakan dalam keterangannya mengenai kesulitan yang dialami oleh seorang wanita yang sarat mengandung untuk mencari saluran untuk dia mengundi. SP8 pula menyatakan beliau telah keluar untuk mengundi pada jam 9.30pg dan hanya dapat mengundi pada hampir jam 2ptg. SP9 pula menyatakan beliau telah keliru tentang kewujudan namanya sebagai pengundi di N.17 Gombak Setia kerana selepas beliau menyemak di pondok panas PAS, namanya wujud di saluran 5 Sekolah Menengah Seri Gombak, tetapi apabila menyemak di Barong Suruhanjaya Pilihan Raya di Sekolah Menengah Seri Gombak, namanya tidak wujud di dalam daftar pemilih. Kemudiannya, beliau telah menyemak pula di pondok panas Barisan Nasional, namanya wujud di saluran 6 Dewan Majlis Perbandaran Selayang, tetapi apabila beliau pergi ke Dewan Majlis Perbandaran Selayang, hanya terdapat 4 saluran mengundi di situ. Beliau akhirnya membatalkan niatnya untuk mengundi. Selain dari itu terdapat pula keterangan SP13 dan SP16 yang menyatakan bahawa kerana terdapat daftar pemilih yang berbeza, wujud peluang bagi pengundi-pengundi mengundi lebih

daripada sekali kerana nama mereka wujud di dua saluran/daerah mengundi yang berlainan. Misalnya, menurut SP13 beliau telah berjaya memperolehi kertas undi dua kali, keduanya di saluran yang berlainan. *a*

Pada saya keterangan-keterangan yang mengatakan wujud peluang bagi pengundi-pengundi mengundi lebih daripada sekali tidak dibuktikan dengan jelas. Saya tidak yakin macam mana ianya boleh berlaku. Jika keterangan saksi responden SR1 diteliti, soal pengundi mengundi dua kali tidak mudah berlaku. Menurut SR1 samada daftar pemilih bertarikh 5 Mac 2004 atau daftar pemilih bertarikh 15 Mac 2004 dan 16 Mac 2004 digunakan, jumlah pengundi di N.17 Gombak Setia adalah sama dan cara untuk mengundi adalah dengan menggunakan No. Kad Pengenalan. Yang berbeza ialah daftar pemilih 5 Mac 2004 berpandukan No. siri, sementara daftar pemilih bertarikh 15 Mac 2004 dan 16 Mac 2004 berpandukan lokality. Oleh kerana calon-calon menggunakan daftar mengundi bertarikh 5 Mac 2004 yang dibekalkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya pada hari penamaan calon, dan ketua tempat mengundi menggunakan daftar pemilih bertarikh 15 Mac 2004 dan 16 Mac 2004, maka itu yang menyebabkan kekecohan berlaku. Pengundi susah mencari tempat mengundi. Jadi yang menjadi masalah ialah kesusahan untuk pengundi-pengundi mencari tempat mengundi dan bukan soal membuka peluang untuk seseorang itu dengan mudah boleh mengundi lebih dari satu kali. Pada saya jika pun keterangan SP13 dan SP16 hendak diambilkira, ia tidak menunjukkan ianya berlaku berleluasa sehingga menyentuh keputusan pilihan raya yang dimenangi oleh responden ketiga dengan undi 2,782 majoriti. *b* *c* *d* *e*

Pada saya, yang lebih penting dalam isu kewujudan daftar-daftar pemilih yang berbeza ialah berlakunya kekecohan yang mengakibatkan ramai orang yang tidak dapat mengundi. Menurut keterangan SP1, penggunaan daftar pemilih yang berbeza hanya berlaku di dua daerah mengundi sahaja iatu Taman Seri Gombak dan Taman Greewood. SP1 dalam keterangannya telah menyatakan peratusan pengundi yang keluar mengundi pada tahun 2004 di N.17, Gombak Setia hanya mencapai 68.64%. Menurut SP1 peratusan ini adalah lebih rendah berbanding dengan peratusan pada tahun 1999. Pada tahun 1999 peratusannya ialah 76.1%. Dalam hal ini saksi pempetisyen, SP24 telah mengemukakan data peratusan keluar mengundi di daerah-daerah mengundi untuk N.17 Gombak Setia untuk tahun 2004 seperti berikut: *f* *g*

Pinggiran Batu Caves	-	70.96%
Taman Sri Gombak	-	58.4%
Taman Selasih	-	74.01%
Taman Greenwood	-	63.53%
Simpang Tiga	-	74.9%
Gombak Utara	-	72.38%
Gombak Selatan	-	70.58%
Gombak Setia	-	71.88%

h *i*

Menurut SP24, peratusan yang paling rendah berlaku di Taman Seri Gombak dan diikuti oleh Taman Greenwood. Taman Seri Gombak 58.8% dan Taman Greenwood 65.53%.

Adalah menjadi hujah pempetisyen bahawa peratusan keluar mengundi di Taman Seri Gombak dan di Taman Greenwood adalah akibat penggunaan daftar pemilih oleh ketua tempat mengundi yang berbeza dengan daftar pemilih yang dibekalkan kepada calon-calon semasa penamaan calon. Penggunaan daftar pemilih yang berbeza itu, mengikut hujahan pempetisyen menyebabkan ramai pengundi tidak dapat mengundi.

Pada pendapat saya terdapat kebenaran hujahan pempetisyen bahawa peratusan keluar mengundi yang rendah di Taman Seri Gombak dan Taman Greenwood adalah diakibatkan penggunaan daftar pemilih oleh ketua tempat mengundi bertarikh 15 Mac 2004 dan 16 Mac 2004. Jelas untuk kedua-dua daerah mengundi tersebut terdapat peratusan keluar mengundi yang rendah berbanding dengan daerah-daerah mengundi di kawasan yang sama. Tetapi soalnya ialah berapa ramaikah jumlah pengundi yang tidak dapat mengundi disebabkan penggunaan daftar pemilih yang berbeza itu.

Pempetisyen untuk menunjukkan penggunaan daftar pemilih yang berbeza telah menyentuh keputusan pilihan raya tersebut telah menggunakan analisa yang dibuat oleh SP24. Menurut SP 24 bagi tahun 1999, peratusan keluar mengundi untuk Taman Seri Gombak ialah 80.64% dan Taman Greenwood 75.19%. Jadi perbezaan peratusan keluar mengundi di Taman Seri Gombak antara 1999 dan 2004 ialah 21.80% dan bagi Taman Greenwood ialah 9.75%. Mengikut kiraan SP24, memandangkan jumlah pengundi untuk Taman Seri Gombak ialah 9353 maka jika dinaikkan peratus mengundi kepada 21.80% akan memberi jumlah yang mengundi kepada 2039. Begitu juga dengan Taman Greenwood di mana, jumlah pengundi ialah 5811. Apabila 9.75% lagi dapat mengundi, maka jumlah pengundi akan bertambah kepada 567. Jadi menurut SP24, jika dicampurkan kedua-dua angka tersebut, jumlah pengundi yang sepatutnya dapat mengundi jika tidak berlaku kekecohan mengenai daftar pengundi untuk kedua-dua daerah mengundi itu akan menjadi 2,606 pengundi.

Seterusnya, SP24 menyatakan bahawa untuk peratusan pada tahun 2004 kesemua peratusan mengundi di daerah-daerah mengundi kecuali daerah mengundi Taman Seri Gombak dan Taman Greenwood meningkat antara 1 – 5%. Jadi, jika diambil kira peningkatan tersebut pertambahan pengundi adalah seperti berikut:

Jika ditambah Taman Sri Gombak 1% - 1% x 9353 - 94 pengundi

Taman Greenwood	1% x 5811 - 58
Jumlah:	152

Jika ditambah Taman Sri Gombak 2% - 2% x 9353 - 187

Taman Greenwood	2% x 5811 -116
Jumlah	303

Jika ditambah Taman Sri Gombak 5% - 5% x 9353 - 468

Taman Greenwood	5% x 5811 - 291
Jumlah	758

Jadi menurut SP24, jika 1% ditambah, maka jumlah pengundi untuk kedua-dua daerah mengundi ialah 2758 (2606 + 152). Jika 2% ditambah, jumlah pengundi ialah 2909 (2606 + 303). Jika pada 5% ditambah, maka jumlah pengundi ialah 3364 (2606 + 758).

Sudah tentu jika keseluruhan analisa yang dibuat oleh SP24 diterima, kewujudan daftar pemilih memang telah menyentuh keputusan pilihan raya di N.17, Gombak Setia. Tetapi saya berpendapat analisa SP24 tidak boleh dijadikan asas kerana ia merupakan andaian dan bukan berlandaskan fakta. Tambahan pula daerah-daerah mengundi bagi N.17, Gombak Setia untuk tahun 1999 dan 2004 adalah berbeza. Kalau tahun 1999 terdapat 10 daerah mengundi, tetapi untuk tahun 2004 hanya terdapat lapan daerah mengundi dan nama daerah-daerah mengundi adalah berlainan. Jadi ketepatan analisa SP24 adalah diragui.

Jadi adalah tidak diketahui berapa ramaikah pengundi yang tidak dapat mengundi akibat penggunaan daftar pemilih yang berbeza di Taman Sri Gombak dan Taman Greenwood sehinggakan memberi kesan atau impak terhadap keputusan pilihan raya di kawasan Dewan Undangan Negeri Selangor N.17, Gombak Setia. Pempetisyen telah gagal memuaskan hati saya bahawa ketidakpatuhan kepada peraturan 14A telah menyentuh keputusan pilihan raya tersebut.

Saya juga berpendapat jika diambil kesan daripada penggunaan buku daftar pemilih yang berbeza dan perlanjutan masa secara tidak sah secara kumulatif, pempetisyen masih gagal untuk memuaskan hati saya bahawa ketidakpatuhan-ketidakpatuhan atau perlanggaran peraturan-peraturan seperti yang dinyatakan telah menyentuh keputusan pilihan raya tersebut. Keterangan-keterangan yang

dikemukakan oleh pempetisyen adalah tidak mencukupi untuk saya memutuskan bahawa ketidakpatuhan-ketidakpatuhan atau perlanggaran-perlanggaran peraturan-peraturan berkenaan sememangnya telah menyentuh keputusan pilihan raya di kawasan Dewan Undangan Negeri Selangor N.17, Gombak Setia dengan mengambilkira kemenangan responden ketiga, bukanlah kemenangan yang tipis. Responden ketiga memenangi pilihan raya tersebut dengan 2,728 undi majoriti.

Dengan alasan-alasan di atas saya menolak permohonan pempetisyen dengan kos untuk ditafsirkan.